



English | Malay | Mandarin | Español

[LAMAN UTAMA](#)
[TENTANG BERNAMA](#)
[AM](#)
[POLITIK](#)
[EKONOMI](#)
[SUKAN](#)
[RENCANA](#)
[DUNIA](#)
[E-NEWSLETTER](#)
[SENARAI BERITA](#)
[ARKIB BERITA](#)
Breaking News / Berita Tergempar
[Laman Mikro](#) » [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerbangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#) • [eBiz](#)
Carian
 Berita
 Who's Who
EKONOMI > BERITA

Pos Malaysia Merupakan Ejen ASNB Terbesar Di Sarawak

Oleh Sharifah Pirdaus Syed Ali

SIBU, 21 April (Bernama) -- Pos Malaysia telah menyediakan rangkaian ejen terbesar bagi urusan Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) di seluruh negeri Sarawak melalui 61 cawangan pejabat pos.

Ketua Pegawai Operasi Pos Laju, Ahmad Najmi Mahfodz berkata, Sarawak adalah penyumbang kedua terbesar dari segi hasil ASNB, iaitu 12 peratus bagi seluruh Malaysia.

"Penekanan kami adalah rangkaian perkhidmatan yang meluas termasuk di kawasan pedalaman bagi memudahkan rakyat Malaysia menjalankan urusan," katanya kepada Bernama di Minggu Amanah Saham Malaysia 2015 (MSAM 2015) di sini.

Untuk MSAM 2015, Pos Malaysia sebagai satu daripada ejen ASNB turut menyokong usaha Permodalan Nasional Berhad bagi menyediakan maklumat serta pelbagai perkhidmatan di dewan pameran yang disediakan, kata Ahmad Najmi.

Antara produk yang paling mendapat perhatian ialah setem peribadi yang mana pengunjung boleh meletakkan gambar sendiri di setem dan ianya laku bagi penebusan, katanya.

Kehadiran Pos Malaysia di ruang pameran MSAM 2015 kali ini juga bertujuan memupuk kesedaran masyarakat mengenai imej baru yang segar hasil dari usaha penjenamaan semula syarikat itu, kata Ahmad Najmi.

Mengenai prospek keseluruhan Pos Malaysia pula, Ahmad Najmi berkata, Poslaju merupakan segmen penting syarikat yang berkembang sihat dan akan terus memberi tumpuan untuk memberi perkhidmatan yang baik.

Beliau berkata, Poslaju baru-baru ini telah dianugerahkan Pengendali Perkhidmatan Ekspres Domestik Terbaik dalam Anugerah Kecemerlangan Malaysia Frost and Sullivan 2015 untuk tahun ketujuh berturut-turut.

"Ini merupakan penyuntik semangat untuk kami meneruskan usaha meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia," tambah beliau.

-- BERNAMA

Berita Utama Terdahulu

Sultan Nazrin Shah Lancar Pameran Koleksi Gambar Anjuran Bernama

Gempa Bumi Nepal: 7,040 Disahkan Terkorban Setakat Ini

Masih Tiada Berita Rakyat Malaysia Hilang Di Nepal

Berita Terkini Lain

PRM: Parlimen Permatang Pauh Perlukan Wakil Rakyat Anak Tempatan- **politik**

AFMGM+3 Ke-18 Tegaskan Komitmen Perkukuh Ekonomi Rantau- **ekonomi**

Nicol, Delia Mara Ke Separuh Akhir Kejohanan Individu Asia- **sukan**

Pengarah Muzik Tersohor D.Imman Menghiburkan Peminatnya Di Malaysia- **rencana**

US Secretary Of State In Sri Lanka For Official Visit- **dunia**

Berita Pilihan Tertinggi

Sultan Nazrin Shah Lancar Pameran Koleksi Gambar Anjuran Bernama

Nicol, Delia Mara Ke Separuh Akhir Kejohanan Individu Asia

PRM: Parlimen Permatang Pauh Perlukan Wakil Rakyat Anak Tempatan

▼ iklan

BERNAMA IMAGES
Capturing Headlines, Milestones and History

BERNAMA IMAGES Perkhidmatan Foto Bernama kini mula memperkenalkan produk dan mengusahakan perkhidmatan baru berasaskan foto seperti bahan pameran, bahan penerbitan, foto konvokesyen, kerja digital, cetakan dan grafik, serta liputan majlis korporat.